



MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ TEKNIKAL YAYASAN SABAH KE-25

Jawatankuasa Induk Konvokesyen Kolej Teknikal Yayasan Sabah dengan berat hati memaklumkan bahawa majlis konvokesyen ke-25 yang dijadualkan pada Oktober 2021 terpaksa ditunda berikutan jumlah penerima vaksinasi lengkap dalam kalangan graduan adalah masih rendah. Keputusan sukar ini dibuat setelah mengambil kira faktor penilaian risiko secara komprehensif serta pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pihak kolej memahami majlis konvokesyen ini merupakan saat yang dinanti-nantikan oleh graduan untuk meraihkan detik pencapaian setelah berjaya mengharungi pelbagai cabaran di sepanjang pengajian. Kolej memohon maaf atas kesulitan yang timbul disebabkan penangguhan ini dan menghargai jasa baik serta kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dalam perkara ini.

Makluman terkini kepada graduan berhubung majlis konvokesyen ke-25 akan dikeluarkan melalui laman web rasmi: www.ktys.edu.my dari semasa ke semasa.

Terima kasih.

HJH. NOOR ARFIAH AMPONG

Pemangku Ketua Eksekutif Merangkap Pendaftar
Kolej Teknikal Yayasan Sabah

Tarikh dikeluarkan: 18 Oktober 2021